

10 OCT 2003

OIC-Karzai/I

PRESIDEN AFGHANISTAN HAMID KARZAI AKAN HADIRI SIDANG KEMUNCAK OIC

Oleh: R.Ravichandran

PUTRAJAYA, 10 Okt (Bernama) -- Presiden Afghanistan Hamid Karzai akan mengetuai delegasi negara itu ke Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 yang akan diadakan di sini dari 11-18 Okt.

Duta Afghanistan ke Malaysia Amanullah Jayhoon berkata empat menteri -- luar, kewangan, hal ehwal wanita dan keselamatan -- akan mengiringi Karzai pada lawatan itu.

Amanullah berkata kehadiran Presiden Karzai pada sidang kemuncak itu yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini menunjukkan betapa pentingnya pertubuhan 57 anggota itu kepada negara Asia Tengah itu.

Katanya Karzai akan menumpukan pada pentingnya perpaduan di kalangan pertubuhan itu dan dunia Islam dan bagaimana mereka dapat memanfaatkan sumber-sumber untuk menyelesaikan masalah yang menyelubungi orang Islam.

"Presiden dan menteri-menteri berkenaan juga akan mengambil peluang itu untuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara anggota berhubung penstrukturan dan pembinaan semula keamanan yang sedang diusahakan dan bagaimana mereka boleh membantu kami dalam bidang itu," katanya kepada Bernama.

Amanullah berkata Presiden Karzai juga akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai acara sampingan pada sidang kemuncak itu.

Karzai dijadual akan berada di sini sehingga persidangan bertema "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah" selama lapan hari itu berakhir.

Amanullah berkata OIC, yang Afghanistan merupakan antara anggota pengagasnya, pada masa lepas telah cuba untuk menjadi orang tengah ketika negara itu sedang dilanda konflik.

"Kami menghargai bantuan yang banyak yang telah dihulurkan oleh OIC dan negara-negara anggota selama ini...ini termasuk resolusi untuk membantu pembinaan semula keamanan di Iraq yang ditetapkan pada Sidang Kemuncak Doha (pada 2000)," katanya.

Amanullah berharap anggota OIC akan terus menghulurkan bantuan kepada negaranya kerana Afghanistan masih memerlukan bantuan dalam banyak bidang bagi membolehkannya membangun yang merupakan ramuan penting bagi keamanan dan kestabilan berkekalan.

"Kami optimistik bahawa OIC akan terus membantu dan menolong kami...ini amat penting agar tidak kembali ke masa lepas (perang dan konflik dalaman)," katanya.

Afghanistan berada di bawah jajahan Kesatuan Soviet selama hampir 10 tahun selepas diduduki pada Disember 1979. Kejatuhan regim komunis pimpinan Najibullah pada 1992 diikuti dengan pemerintahan Mujahidin tetapi pergaduhan antara puak-puak telah membawa kepada penguasaan Taliban pada September 1996 yang memerintah dengan dasar-dasar penindasan.

Taliban dijatuhkan oleh pasukan tentera yang diketuai Amerika Syarikat ekoran serangan penganas 11 Sept dan sebuah kerajaan baru ditubuhkan di bawah pimpinan Karzai yang pada awalnya merupakan pengerusi Pihak Berkuasa Sementara Afghanistan pada Disember 2001.

Karzai, 46, dilantik oleh Loya Jirga (Dewan Tertinggi) pada Jun 2002 sebagai Presiden negara itu yang mempunyai jumlah penduduk 25 juta.

Beliau pertama kali melawat Malaysia pada Februari 2003 untuk menghadiri sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

RV MKO RHM